

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Bank Negara Malaysia bagi membendung pengubahan wang haram (*illicit financial flows*) dan kebocoran data dari pihak bank. Adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Akta Pengubahan Wang Haram agar institusi perbankan yang terlibat dikenakan hukuman yang lebih berat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) memperuntukkan rangka kerja yang menyeluruh untuk membanteras pengaliran wang haram (*illicit financial flows*). Bagi mencegah pengubahan wang haram, institusi pelapor di bawah AMLA wajib menjalankan usaha wajar terhadap setiap pelanggan (*customer due diligence*), menyimpan rekod, membuat laporan nilai ambang transaksi wang tunai (*Cash Threshold Reports, CTR*) dan melaporkan transaksi kewangan yang mencurigakan (*Suspicious Transaction Reports, STR*) kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

2. Di bawah Bahagian VI AMLA, sekiranya disabitkan kesalahan, penjenayah-penjenayah pengubahan wang haram bukan sahaja akan dikenakan hukuman penjara, malah harta-harta yang diperolehi mereka menerusi kegiatan haram juga akan dilucuthakkan. Pengenalan had transaksi tunai di bawah Akta Mata Wang 2020 juga mewajibkan semua pihak untuk menolak pembayaran tunai bernilai tinggi bagi melindungi mereka daripada terlibat dalam membantu pengubahan wang.

3. Isu kebocoran data atau maklumat pelanggan oleh institusi perbankan adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP). Sekiranya terdapat bukti yang mencukupi untuk mensabitkan pelaku terbabit di bawah APK, APKI dan AIKP, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10 juta atau dipenjarakan untuk tempoh maksimum lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.

4. Selain itu, institusi perbankan juga tertakluk kepada piawaian Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Penzahiran yang Dibenarkan. Piawaian ini menghendaki institusi perbankan menetapkan dasar dan prosedur yang ketat untuk melindungi keselamatan dan kerahsiaan maklumat pelanggan sepanjang kitaran hayat maklumat, daripada

peringkat kutipan sehingga penghapusan. Ini termasuk melindungi maklumat daripada diakses, diubah atau didedahkan tanpa kebenaran serta memastikan kakitangan institusi perbankan mendapat latihan secukupnya untuk melaksanakan kawalan yang cekap. Piawaian ini juga menetapkan tanggungjawab institusi perbankan untuk memastikan maklumat pelanggan diurus dengan betul oleh wakil yang dilantik, ejen dan penyedia perkhidmatan ketiga.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekiranya terdapat aduan kebocoran maklumat pelanggan, institusi perbankan dikehendaki menyiasat aduan tersebut dan melaporkannya kepada BNM. Dalam hal ini, antara tindakan yang pernah diambil oleh BNM termasuklah mengkompaun atau mendakwa pesalah sama ada institusi perbankan atau individu di bawah APK, APKI dan AIKP, mengarahkan institusi perbankan supaya mengukuhkan kawalan dalaman terhadap keselamatan maklumat pelanggan, mengkaji semula pengaturcaraan penyumberan luar dan lain-lain tindakan untuk menangani punca kebocoran maklumat pelanggan. Selain itu, pihak institusi perbankan juga dikehendaki untuk menggiatkan lagi pelaksanaan audit dalaman atau audit bebas yang mana hasil laporan mengenainya perlu dimaklumkan kepada BNM.

6. BNM turut menjalankan pemeriksaan ke atas institusi perbankan dari semasa ke semasa bagi memastikan institusi perbankan mempunyai polisi, prosedur, sistem dan kawalan dalaman yang efektif untuk memastikan maklumat pelanggan sentiasa terpelihara. Sekiranya terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman yang boleh menyebabkan risiko kebocoran maklumat pelanggan, institusi perbankan akan diarahkan untuk mengambil tindakan pembetulan dengan kadar segera dan tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya institusi perbankan gagal mematuhi arahan sedemikian. Tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil terhadap kes-kes yang serius, termasuklah penamatan perkhidmatan pegawai-pegawai kanan institusi perbankan yang terbabit. AMLA telah pun dipinda pada tahun 2014 untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada institusi perbankan yang terlibat. Sebagai contoh, hukuman di bawah seksyen 17 AMLA (penyimpanan rekod selama tempoh sekurang-kurangnya enam tahun) telah ditingkatkan kepada denda tidak melebihi

RM3 juta atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Selain itu, AMLA telah dipinda dengan memasukkan seksyen 14A yang menjelaskan larangan terhadap penzahiran laporan dan maklumat berkaitan.

7. BNM sentiasa memantau institusi-institusi kewangan melalui *off-site* dan penyeliaan *on-site* untuk memastikan mereka mematuhi obligasi di bawah AMLA dan polisi yang dikeluarkan berkenaan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT*). BNM juga turut berkerjasama dengan pegawai pematuhan dari institusi-institusi pelapor menerusi sesi taklimat dan dialog serta mengambil tindakan pembetulan melalui penyeliaan yang lebih komprehensif/rapi (*supervisory corrective action*).

Sekian, terima kasih.